



21 Disember 2012
21 December 2012
P.U. (A) 457

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (MAJLIS
PENASIHAT PENDIDIKAN KEBANGSAAN) 2012

*EDUCATION (NATIONAL EDUCATION ADVISORY
COUNCIL) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENDIDIKAN 1996

PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN
(MAJLIS PENASIHAT PENDIDIKAN KEBANGSAAN) 2012

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran
3. Keanggotaan Majlis
4. Tempoh jawatan
5. Setiausaha Majlis
6. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi
7. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
8. Pengosongan jawatan
9. Elaun
10. Mesyuarat Majlis
11. Hak kehadiran
12. Majlis boleh mengundang orang lain ke mesyuarat
13. Jawatankuasa

AKTA PENDIDIKAN 1996

PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN
(MAJLIS PENASIHAT PENDIDIKAN KEBANGSAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pendidikan (Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan) 2012.**

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“Majlis” ertinya Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 10(1) Akta;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan yang dilantik di bawah perenggan 3(a).

Keanggotaan Majlis

3. Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

(a) seorang Pengerusi;

(b) seorang Timbalan Pengerusi; dan

(c) tidak lebih daripada lima orang lain yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dalam perkara yang berhubungan dengan pendidikan.

Tempoh jawatan

4. Seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah peraturan 3 hendaklah, melainkan jika pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, atau dia terlebih dahulu meletakkan jawatan atau mengosongkan jawatannya, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan layak untuk dilantik semula.

Setiausaha Majlis

5. (1) Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan hendaklah menjadi Setiausaha Majlis.

(2) Setiausaha hendaklah menyebabkan minit bagi semua mesyuarat Majlis disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sewajarnya.

Penjalanan sementara fungsi Pengerusi

6. Menteri boleh melantik Timbalan Pengerusi untuk bertindak secara sementara sebagai Pengerusi bagi tempoh apabila—

(a) jawatan Pengerusi kosong;

(b) Pengerusi tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau

(c) Pengerusi, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan kewajipan jawatannya.

Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan

7. (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Majlis yang dilantik di bawah peraturan 3.

(2) Seseorang anggota Majlis boleh meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis kepada Menteri tidak kurang daripada sembilan puluh hari sebelum tarikh peletakan jawatan yang dimaksudkan itu.

Pengosongan jawatan

8. Jawatan seseorang anggota yang dilantik di bawah peraturan 3 hendaklah menjadi kosong jika–

- (a) dia meninggal dunia;
- (b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan–
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan;
- (c) dia menjadi bankrap;
- (d) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajibannya;
- (e) dalam hal Pengerusi, dia tidak menghadiri mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran bertulis daripada Menteri;
- (f) dalam hal seorang anggota Majlis, selain Pengerusi, dia tidak menghadiri mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran bertulis daripada Pengerusi;
- (g) kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tugasnya sebagai anggota Majlis atau selainnya, ialah kelakuan yang mencemarkan Majlis;

(h) peletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau

(i) pelantikannya dibatalkan oleh Menteri.

Elaun

9. Anggota Majlis hendaklah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Mesyuarat Majlis

10. (1) Majlis hendaklah mengadakan apa-apa bilangan mesyuarat sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan fungsinya pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Pengerusi atau Timbalan Pengerusi yang dilantik untuk menjalankan fungsi Pengerusi menurut peraturan 6 hendaklah mempengerusikan mana-mana mesyuarat Majlis.

(3) Jika pada mana-mana mesyuarat Majlis Pengerusi atau Timbalan Pengerusi yang dilantik untuk menjalankan fungsi Pengerusi menurut peraturan 6 tidak hadir, anggota yang hadir hendaklah melantik seorang daripada kalangan mereka untuk menjadi pengerusi mesyuarat.

(4) Tiap-tiap persoalan dalam mesyuarat Majlis hendaklah ditentukan secara undi majoriti anggota yang hadir, dan dalam hal bilangan undi yang sama banyak, pengerusi mesyuarat hendaklah mempunyai undi pemutus.

(5) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat Majlis ialah lima orang anggota.

(6) Semua mesyuarat Majlis dan perkara yang berbangkit daripada mesyuarat itu adalah dianggap rahsia dan tiada seorang pun yang menghadiri mesyuarat itu boleh menzahirkan apa-apa maklumat atau perkara yang berbangkit

daripada mesyuarat itu kepada mana-mana orang lain melainkan jika kebenaran bertulis telah diperoleh terlebih dahulu daripada Menteri.

Hak kehadiran

11. Pegawai yang berikut boleh menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis:

(a) Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran atau wakilnya; dan

(b) Ketua Pengarah Kementerian Pelajaran atau wakilnya.

Majlis boleh mengundang orang lain ke mesyuarat

12. (1) Majlis boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperaturan (1) boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Jawatankuasa

13. (1) Majlis boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya.

(2) Majlis boleh melantik mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subperaturan (1).

(3) Majlis boleh melantik mana-mana anggotanya atau mana-mana orang untuk menjadi anggota sesuatu jawatankuasa.

(4) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan atas apa-apa syarat dan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(5) Majlis boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa.

(6) Seseorang anggota jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan suatu notis bertulis kepada Pengerusi.

(7) Kecuali bagi anggota jawatankuasa yang dilantik daripada kalangan anggota Majlis, seseorang anggota jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subperaturan (10) untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(8) Sesuatu jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri dan, dalam melaksanakan fungsinya di bawah peraturan ini, jawatankuasa itu hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa itu oleh Majlis.

(9) Sesuatu mesyuarat jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(10) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa itu bagi maksud menasihatinya mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu.

(11) Majlis boleh memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

Dibuat 4 Disember 2012
[KP(BPPDP) R.800/013 Jld.3; PN(PU2)569/X]

TAN SRI DATO' HJ. MUHYIDDIN BIN HJ. MOHD YASSIN
Menteri Pelajaran

EDUCATION ACT 1996

EDUCATION (NATIONAL EDUCATION ADVISORY COUNCIL) REGULATIONS 2012

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation
2. Interpretation
3. Membership of the Council
4. Tenure of office
5. Secretary to the Council
6. Temporary exercise of function of Chairman
7. Revocation of appointment and resignation
8. Vacation of office
9. Allowances
10. Meetings of the Council
11. Right of attendance
12. Council may invite others to meetings
13. Committees

EDUCATION ACT 1996

EDUCATION (NATIONAL EDUCATION ADVISORY COUNCIL) REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by section 13 of the Education Act 1996 [Act 550], the Minister makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Education (National Education Advisory Council) Regulations 2012**.

Interpretation

2. In these Regulations–

“Council” means the National Education Advisory Council established under subsection 10(1) of the Act;

“Chairman” means the Chairman of the National Education Advisory Council appointed under paragraph 3(a).

Membership of the Council

3. The Council shall consist of the following members who shall be appointed by the Minister:

(a) a Chairman;

(b) a Deputy Chairman; and

(c) not more than five other persons who have experience, knowledge and expertise in matters relating to education.

Tenure of office

4. A member of the Council appointed under regulation 3 shall, unless his appointment is sooner revoked, or he sooner resigns or vacates his office, hold office for a term not exceeding two years and is eligible for reappointment.

Secretary to the Council

5. (1) The Director of the Educational Planning and Research Division shall be the Secretary to the Council.

(2) The Secretary shall cause minutes of all the meetings of the Council to be maintained and kept in a proper form.

Temporary exercise of functions of Chairman

6. The Minister may appoint the Deputy Chairman to act temporarily as the Chairman for the period when—

(a) the office of the Chairman is vacant;

(b) the Chairman is absent from duty or from Malaysia; or

(c) the Chairman is, for any other reason, unable to perform the duties of his office.

Revocation of appointment and resignation

7. (1) The Minister may, at any time, revoke the appointment of any member of the Council appointed under regulation 3.

(2) A member of the Council may resign by giving a written notice to the Minister not less than ninety days prior to the intended date of resignation.

Vacation of office

8. The office of a member appointed under regulation 3 shall be vacated if –
- (a) he dies;
 - (b) there has been proved against him, or he has been convicted on, a charge in respect of –
 - (i) an offence involving fraud, dishonesty or moral turpitude;
 - (ii) an offence under any law relating to corruption; or
 - (iii) any other offence punishable with imprisonment;
 - (c) he becomes a bankrupt;
 - (d) he is of unsound mind or is otherwise incapable of discharging his duties;
 - (e) in the case of the Chairman, he absents himself from three consecutive meetings of the Council without leave in writing from the Minister;
 - (f) in the case of a member of the Council, other than the Chairman, he absents himself from three consecutive meetings of the Council without leave in writing from the Chairman;
 - (g) his conduct, whether in connection with his duties as a member of the Council or otherwise, has been such as to bring discredit on the Council;
 - (h) his resignation is accepted by the Minister; or
 - (i) his appointment is revoked by the Minister.

Allowances

9. The members of the Council shall be paid such allowances as the Minister may determine.

Meetings of the Council

9. (1) The Council shall hold such number of meetings as are necessary for the performance of its functions at such time and place as determined by the Chairman.

(2) The Chairman or the Deputy Chairman appointed to exercise the functions of the Chairman pursuant to regulation 6 shall preside at any meeting of the Council.

(3) If at any meeting of the Council the Chairman or the Deputy Chairman appointed to exercise the functions of the Chairman pursuant to regulation 6 is absent, the members present shall appoint one person among them to be the chairman of the meeting.

(4) Every question at a meeting of the Council shall be determined by a majority of the votes of the members present, and in the case of an equality of votes, the chairman of the meeting shall have a casting vote.

(5) The quorum for a meeting of the Council is five members.

(6) All meetings of the Council and matters arising from the meetings are regarded as confidential and no person present at the meetings shall disclose any information or matters arising from the meetings to any other person unless prior written permission has been obtained from the Minister.

Right of attendance

11. The following officers may attend any meeting of the Council:

- (a) the Secretary General of the Ministry of Education or his representative;
and
- (b) the Director General of the Ministry of Education or his representative.

Council may invite others to meetings

12. (1) The Council may invite any person to attend any meeting of the Council for the purpose of advising it on any matter under discussion but that person shall not be entitled to vote at the meeting.

(2) A person invited under subregulation (1) may be paid such allowances as determined by the Council.

Committees

13. (1) The Council may establish any committee as it considers necessary or expedient to assist it in the performance of its functions.

(2) The Council may appoint any of its members to be the chairman of a committee established under subregulation (1).

(3) The Council may appoint any of its members or any person to be a member of a committee.

(4) A member of a committee shall hold office on such conditions and for such term as may be specified in his instrument of appointment and is eligible for reappointment.

(5) The Council may, at any time, revoke the appointment of any member of a committee.

(6) A member of a committee may, at any time, resign by giving a written notice to the Chairman.

(7) Except for a member of a committee appointed from among the members of the Council, a member of a committee or any person invited under subregulation (10) to attend any meeting of a committee may be paid such allowances as determined by the Council.

(8) A committee may regulate its own procedure and, in the performance of its functions under this regulation, the committee shall be subject to, and act in accordance with, any direction given to the committee by the Council.

(9) A meeting of a committee shall be held at such time and place as determined by the chairman of the committee.

(10) A committee may invite any person to attend any meeting of the committee for the purpose of advising it on any matter under discussion but that person is not entitled to vote at the meeting.

(11) The Council may discontinue or alter the constitution of a committee.

Made 4 December 2012
[KP(BPPDP) R.800/013]ld.3; PN(PU2)569/X]

TAN SRI DATO' HJ. MUHYIDDIN BIN HJ. MOHD YASSIN
Minister of Education